

|            |               |         |            |
|------------|---------------|---------|------------|
| TARIKH     | 15 / 4 / 2013 | SEKSYEN | Nasional   |
| MUKA SURAT | 25            | RUANGAN | dlm Negeri |

Walaupun projek pembesaran Masjidil Haram dilaksanakan bagi keselesaan para jemaah

# Kos ibadah haji 2013 tidak meningkat

**MEKAH** 14 April - Projek pembesaran Masjidil Haram yang sedang dilaksanakan secara besar-besaran tidak akan meningkatkan kos menunaikan ibadah haji, kata Datuk bandar Mekah Dr. Osama Fadhel Al-Bar.

Beliau berkata, projek mega itu, yang dilancarkan Penjaga Dua Masjid Suci Raja Abdullah pada November 2011, semata-mata bertujuan untuk memastikan jemaah dapat menunaikan ibadah haji dengan lebih selesa, selamat dan mudah.

Katanya, projek itu adalah sebahagian daripada usaha yang di-

lakukan kerajaan Arab Saudi sebagai hadiah kepada umat Islam dari seluruh dunia, selain projek pembangunan kemudahan Jamrat, perkhidmatan tren antara Mina, Muzdalifah dan Arafah dan pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Raja Abdulaziz di Jeddah.

"Jemaah tidak akan dikenakan cukai berikutan pelaksanaan projek pembesaran ini. Kos yang dikenakan terhadap jemaah hanyalah bagi perkhidmatan yang disediakan organisasi yang diamanahkan kerajaan masing-masing untuk mengurus ke-

perluan mereka dengan kerjasama Kementerian Haji Arab Saudi," kata Dr. Osama kepada sekumpulan wartawan Malaysia yang mengunjungi pejabatnya di sini pada Sabtu.

Projek bernilai SR80 bilion itu dianggap projek pembesaran terbesar dalam sejarah Masjidil Haram, dijangka meningkatkan kemampuannya untuk menampung keperluan jemaah tiga kali ganda daripada yang ada sekarang apabila disiapkan kelak.

Projek selama enam tahun itu dibahagi kepada tiga fasa, dengan setiap tahun, pembinaan hanya di-

laksanakan selama lapan bulan kerana dalam empat bulan lagi ditangguhkan sempena musim haji.

Sebelum ini, beberapa media tempatan melaporkan bahawa keseluruhan keluasan Masjidil Haram adalah 356,000 meter persegi dan mampu menampung keperluan lebih kurang 770,000 jemaah, manakala projek pembesaran yang meliputi kawasan seluas 456,000 meter persegi ini akan dapat menampung keperluan 1.2 juta jemaah haji apabila siap sepenuhnya kelak.

Dr. Osama berkata, projek pem-

besaran ini juga melibatkan pembangunan kawasan luar masjid seperti dewan rehat, terowong dan kemudahan lain.

Mengulas peranan Lembaga Tabung Haji (TH), beliau berkata syarikat berkaitan kerajaan itu menjadi contoh terbaik tentang bagaimana sebuah lembaga urusan tabung haji sepatutnya beroperasi.

Kata Dr. Osama, dalam ucapannya pada satu simposium antara-bangsa tentang usaha mendidik jemaah haji ketika beliau menyandang jawatan Dekan Penyelidikan

Penjaga Kemudahan Dua Masjid Suci, beliau menyebut TH sebagai antara contoh organisasi terbaik yang patut dijadikan contoh oleh negara dari seluruh dunia dalam mengurus keperluan jemaah haji.

Dr. Osama berkata, ketika mengunjungi Malaysia pada 1996, beliau kagum dengan usaha yang dilaksanakan untuk mendidik bakal jemaah seperti kursus mengerjakan tawaf yang menggunakan replika Kaabah, kelas bimbingan cara memakai ihram dan sebagainya. - BER-

NAMA